

# NDRC UMS terima geran penyelidikan YPOMNM

UB 24.07.2023 P.08

Oleh Vivi Otiwiana Najurus

**KOTA KINABALU:** Pusat Kajian Bencana Alam (NDRC) Fakulti Sains dan Sumber Alam (FSSA), Universiti Malaysia Sabah (UMS) berjaya menerima Geran Penyelidikan Yayasan Penyelidikan Otak, Minda dan Neurosains Malaysia (YPOMNM) bagi kitar 1-2022.

Pengasas YPOMNM Prof. Datuk Dr. Jafri Malin Abdullah berkata, antara objektif penubuhan yayasan ini adalah untuk mewujudkan penyelidikan otak, minda dan neurosains di Malaysia sebagai satu penyelidikan yang berkualiti serta diiktiraf di peringkat antarabangsa.

“Yayasan turut menyediakan bantuan perkhidmatan dan kewangan serta mendapatkan dana, sumbangan kepada penyelidik yang aktif

dalam menjalankan sebarang penyelidikan berkaitan dengan otak, minda dan neurosains.

“Geran penyelidikan ini ditawarkan secara terbuka kepada penyelidik di institusi, pusat serta agensi sama ada awam atau swasta yang berminat melaksanakan penyelidikan yang melibatkan bidang neurosains seperti bidang neurosains asas, neurosains klinikal dan neurosains gunaan yang bersesuaian dengan keadaan semasa di negara ini,” katanya.

Beliau berkata demikian semasa menyerahkan replika cek disampaikan kepada Pengarah NDRC Prof. Madya Dr. Carolyn Melissa Payus dengan disaksikan Dekan FSSA UMS Prof. Dr. Jualang Azlan Gansau dan Pengasas Bersama YPOMNM Prof. Madya Dr. Durriyyah Sharifah Hasan Adli.

Jafri berkata, bagi kitar 1-2022, pihak YPOMNM menerima 20 permohonan daripada sembilan organisasi iaitu tujuh Institusi Pengajian Tinggi Awam (IPTA) dan dua Institusi Pengajian Tinggi Swasta (IPTS).

Bagaimanapun katanya, hanya dua pemenang yang berjaya menerima geran YPOMNM itu iaitu Dr. Carolyn dari UMS dan Dr. Wu Yuan Seng dari Sunway University Malaysia.

Sementara itu Jualang berkata, pihaknya menghargai peluang dan kerjasama yang diberikan oleh YPOMNM kepada UMS melalui pembiayaan projek penyelidikan ini.

“Diharapkan melalui pembiayaan penyelidikan ini, ia akan mewujudkan lebih banyak peluang kerjasama penyelidikan pada masa akan datang, terutamanya dalam

bidang berkaitan bencana alam serta berkaitan dengan hubungan terkesan terhadap kesihatan mental serta sosio-demografi,” katanya.

Dr. Caloryn selaku ketua projek menjalankan penyelidikan ‘Mental Health in Climate Anxiety Analysis: Response to Extreme Weather Events due to Climate Change’ bersama penyelidik lain daripada UMS iaitu Prof. Dr. Justin Sentian dan Mohd Asyraf Refdin serta penyelidik dari Universiti Teknologi MARA (UiTM), Dr. Siti Hayfah Idris.

Pada majlis sama, rombongan YPOMNM juga turut melawat makmal NDRC bagi melihat sendiri sistem pemantauan aktiviti gempa bumi yang dikenali sebagai SEIS-COMP3. Sistem ini adalah pemantauan gempa bumi secara ‘real time data’ melalui



**SERAH:** Jafri (tiga kanan) menyerahkan replika cek kepada Carolyn Melissa (empat kiri).

kerjasama NDRC bersama Jabatan Meteorologi Malaysia (MET Malaysia) sejak 2021.

Turut hadir, Pemegang

Amanah YPOMNM Dr. Pien, Felo Penyelidik Utama NDRC Dr. Janice Lynn Ayog dan Pegawai Penyelidik NDRC Eldawaty Madran.